

KORUPSI MERUNTUHKAN PERADABAN

Kamus Dewan Perdana menjelaskan bahawa korupsi merupakan tindakan atau amalan yang salah atau tidak amanah dalam menjalankan tugas.

O*xford English Dictionary* mentakrifkan korupsi sebagai kelakuan tidak jujur atau penipuan oleh golongan berkuasa yang kebiasaannya melibatkan amalan rasuah. Rasuah merupakan perbuatan memberi atau menerima sesuatu suapan bagi melakukan suatu perbuatan yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas seseorang itu. Rasuah boleh berlaku dalam bentuk wang tunai, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan seks, jawatan, upah, diskaun dan pinjaman. Istilah korupsi berasal daripada bahasa Latin, iaitu *corruptus* atau *corrumpere* yang bermaksud rosak, rasuah dan musnah. Korupsi telah wujud sejak zaman tamadun Mesopotamia lagi. John Thomas Noonan melalui bukunya, *Bribes* ada mengisahkan tentang seorang penduduk Nippur yang dikenali sebagai Gimil Ninurta yang terlibat dengan rasuah. Perihal individu tersebut diambil daripada kisah pada zaman Kerajaan Akkadia yang bertajuk "Lelaki Miskin Nippur" bertarikh 1500 Sebelum Masihi (SM).

Kautilya yang menukilkan karya *Arthashastra* berpendapat bahawa terlalu

banyak interaksi peribadi atau kesatuan dalam kalangan eksekutif yang lebih tinggi akan menyebabkan matlamat jabatan terjejas dan korupsi. Karya *Arthashastra* juga menyatakan peningkatan dalam perbelanjaan, namun kutipan hasil negara yang lebih rendah merupakan petunjuk bahawa terdapat penyelewengan dana oleh para pegawai kerajaan. Dinasti di China juga berdepan dengan masalah pegawai kerajaan yang korup. Korupsi yang berleluasa telah menyebabkan keruntuhan Dinasti Qing pada abad ke-19. Salah

seorang menteri Qing yang terkenal dengan korupsi ialah He Shen.

Kekayaan Diri Mengatasi Hasil Negara
Ketika pemerintahan Maharaja Qianlong dari Dinasti Qing, He Shen telah mengumpulkan kekayaan sepanjang dua dekad sebagai menteri yang menguruskan cukai. Maharaja Qianlong mengamalkan dasar tutup pintu dan mengenakan sekatan yang lebih ketat terhadap perdagangan, yakni hanya sebuah pelabuhan di Guangzhou dibuka untuk perdagangan antarabangsa. Semua



transaksi perdagangan asing, termasuklah pembayaran cukai oleh kapal dagang perlu melalui pelabuhan di Guangzhou. He Shen diamanahkan untuk menentukan jenis dan kiraan cukai yang perlu dikenakan terhadap kapal dagang yang berlabuh. Beliau mengenakan cukai yang tinggi terhadap pedagang.

Hasil cukai yang tinggi diselewengkan kerana jumlah dan laporan cukai ditentukan oleh He Shen sebelum dihantar kepada maharaja. Oleh sebab itu, terdapat penipuan jumlah hasil cukai dalam laporan yang

diterima oleh maharaja. Beliau juga mengumpul kekayaan dengan menindas petani dan pedagang. He Shen mengenakan cukai yang tinggi terhadap petani supaya mereka tidak mampu membayarnya. Petani yang terbeban dengan cukai tersebut terpaksa menyerahkan rumah dan tanah kepada He Shen. Beliau turut membeli rumah dan tanah daripada petani dan pedagang dengan harga yang murah. Tanah dan rumah yang diperolehi dijual semula dengan harga tinggi untuk mendapatkan keuntungan.

Selepas kemangkatan Maharaja Qianlong pada 7 Februari 1799, pengganti baginda, Maharaja Jiaqing menitahkan agar He Shen dilucutkan jawatan, ditahan dan disiasat. Ketika rumahnya digeledah, terdapat 1100 juta tael perak ditemui. Jumlah tersebut bersamaan dengan 15 tahun hasil kerajaan Qing. He Shen juga mempunyai 3000 buah rumah, 8000 hektar tanah, 75 buah kedai pajak gadai, 5316 helai pakaian, 1502 pakaian daripada bulu mink, 1250 pakaian kulit yang lain, 56 000 perak kecil dan sembilan juta jongsong perak. Harta ahli keluarga He Shen pula bernilai 800 juta tael perak mengatasi hasil tahunan kerajaan Qing pada zaman Maharaja Qianlong yang hanya bernilai 70 juta tael perak. Pada 22 Februari 1799, beliau yang berusia 49 tahun dititahkan oleh Maharaja Qianlong agar menggantung dirinya sehingga mati.



Rakyat akan bangkit menentang jika kelakuan pemimpin sudah melampaui batas.

Korupsi dan Nepotisme Soeharto

Pemerintahan Soeharto selama 32 tahun di Indonesia terkenal dengan amalan korupsi dan nepotisme. Selepas mengambil alih pemerintahan negara pada tahun 1968, Soeharto mula membina empayar kewangannya dengan Kumpulan Salim dan Nusamba. Operasi kilang tepung Bogasari yang mengilang gandum melalui program Makanan untuk Keamanan Amerika Syarikat merupakan usaha untuk menjana wang pertama oleh Soeharto. Yayasan yang ditubuhkan atas nama Soeharto itu dikecualikan daripada audit dan cukai serta mampu mengaut keuntungan yang dianggarkan bernilai A.S.\$3 bilion menjelang awal 1990-an.

Beliau juga menyebabkan Bank Negara Indonesia mengeluarkan rizab asing negara untuk memberikan pinjaman bernilai A.S.\$1.34 bilion kepada Kumpulan Texmaco. Ketua Pegawai Eksekutif Texmaco pada ketika itu, Marimutu Sinivasan merupakan rakan baik Soeharto. Pada penghujung tahun 1997, Soeharto memberikan fasilitet khas kepada Texmaco untuk menghasilkan tekstil dan peralatan industri. Antara tahun 1970-an hingga tahun 1980-an, enam orang anak Soeharto telah mengasaskan konglomerat mereka sendiri yang melibatkan bank, penghasilan kereta, syarikat penerbangan, kilang simen dan ladang kelapa sawit. Harta keluarga mereka dianggarkan bernilai berpuluh bilion dolar.

Anak-anak Soeharto turut diberikan monopoli bagi mengumpulkan kekayaan. Siti Hardiyanti Rukmana atau Tutut mendapat kontrak untuk membina lebuh raya bertol, Hutomo Mandala Putra atau Tommy menjadi seorang daripada pengeksport utama untuk industri cengkik negara, Bambang Trihatmodjo diberikan kapal tangki minyak dan Sigit Harjojudanto mendapat manfaat daripada dasar penswastan air di Jakarta. Siti Hardiyanti Rukmana pernah dilantik sebagai Menteri Sosial dalam kabinet terakhir Soeharto. Beliau juga merupakan pemegang saham utama bernilai A.S.\$1 juta dalam Kumpulan Citra Lamtoro Gung Persada yang merupakan sebuah syarikat yang mempunyai kepentingan dalam pembinaan, perdagangan, pertanian dan kraf tangan.

Sigit Harjojudanto pula merupakan pemegang saham utama bernilai A.S.\$22 juta dalam Kumpulan Humpuss

yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan mempunyai 60 buah anak syarikat, selain mempunyai kepentingan dalam industri minyak dan gas, perkapalan, hartanah serta produk petrokimia dan pertanian. Adiknya, Hutomo Mandala Putra memegang 60 peratus saham Humpuss yang bernilai A.S.\$33 juta. Sigit juga mengasaskan Kelab Bola Sepak Arseto pada tahun 1983, namun dibubarkan pada tahun 1998 berikutan rusuhan di Solo yang merupakan tempat kelab tersebut berpangkalan.

Bambang Trihatmodjo menubuhkan Kumpulan Bimantara Citra pada tahun 1981. Kumpulan Bimantara Citra mempunyai berpuluh-puluh anak syarikat dalam pelbagai jenis sektor, antaranya termasuklah perdagangan, insurans, hartanah, televisyen dan komunikasi, hotel, pengangkutan, pertanian, perikanan, selain industri automotif, makanan, kimia dan pelancongan. Bambang juga telah menubuhkan stesen televisyen swasta pertama di Indonesia, iaitu RCTI (Rajawali Citra Televisi Indonesia) pada tahun 1987. Anak bongsu Soeharto, Siti Hutami Endang Adiningsih tersenarai sebagai pemegang saham utama kumpulan Manggala Krida Yudha dan memiliki perniagaan pertanian, pengangkutan, gudang dan pelancongan. Kekayaan beliau dianggarkan bernilai sebanyak A.S.\$47 juta.

Pemerintahan Soeharto juga didapati telah melanggar hak asasi manusia apabila berlakunya peristiwa pembunuhan dan penculikan terhadap aktivis demokrasi. Menurut Amnesty International, hampir setengah juta orang yang kebanyakannya dianggap sebagai pembangkang atau pesaing politiknya telah ditahan. Walau bagaimanapun, kira-kira 1000 orang sahaja yang mendapat perceraian di mahkamah, selebihnya ditahan tanpa bicara. Ketika Indonesia melancarkan pencerobohan terhadap Timor Timur yang merupakan tanah jajahan Portugis pada tahun 1976, Soeharto telah menindas dengan kejam sebarang penentangan oleh rakyat Timor Timur terhadap pemerintahan Jakarta.

Pada 21 Mei 1998, Soeharto akhirnya meletakkan jawatan dan menyerahkan kuasa kepada Naib Presidennya, Bacharuddin Jusuf Habibie (B. J. Habibie) selepas protes yang dipimpin oleh pelajar diadakan secara besar-besaran ketika kemuncak krisis kewangan Asia. Pada awalnya,

protes pelajar yang diadakan pada Januari dan Februari 1998 itu disebabkan oleh kenaikan harga makanan. Protes aman tersebut dilakukan di Universitas Negeri Jakarta. Seterusnya, demonstrasi oleh pelajar di Jakarta itu turut menggesa penyingkiran Soeharto yang memuncak pada April dan Mei sehingga mengakibatkan 500 orang terbunuh dan akhirnya membawa kepada peletakan jawatan Soeharto.

Sepanjang pemerintahan Soeharto, beliau telah menyeleweng dana negara antara A.S.\$15 bilion hingga A.S.\$35 bilion menurut Transparency International. Pada tahun 2015, Mahkamah Agung Indonesia mengarahkan ahli keluarga Soeharto membayar balik A.S.\$324 juta dana negara yang digelapkan kepada kerajaan. Terdapat ahli keluarga Soeharto yang masih aktif dalam politik Indonesia seperti Tutut dalam Partai Karya Peduli Bangsa, Siti Hediati Hariyadi (Partai Golongan Karya) dan Tommy (Partai Berkarya).

Korupsi Fujimori

Di Peru ketika pemerintahan Alberto Fujimori pada tahun 1990 hingga tahun 2000 turut berlakunya penggelapan wang negara, rasuah dan salah guna kuasa. Fujimori dikatakan demikian kerana telah memberikan 28 kontrak perolehan kerajaan kepada Odebrecht. Pemberian kontrak tersebut menjadi kontroversi kerana syarikat Odebrecht dikaitkan dengan pelbagai kes rasuah yang melibatkan pembinaan jalan kereta api dan projek pertanian di pelbagai negara Amerika Latin. Kesemua kontrak kerajaan itu mempunyai kos tambahan sebanyak 500 juta Sol. Korupsi telah meningkatkan kos kontrak tersebut. Beliau juga didakwa menggelapkan 75 peratus dana Perkhidmatan Perisikan Negara untuk membayar rasuah kepada pegawai kerajaan dan media bagi menaikkan imejnya pada mata rakyat. Dana yang sama juga didakwa telah digunakan untuk menghapuskan penentang atau musuh politiknya.

Pada Julai 2009, Fujimori dijatuhkan hukuman penjara selama tujuh tahun setengah kerana membayar A.S.\$15 juta kepada ketua perisikan Peru, Vladimiro Montesinos dengan menggunakan dana kerajaan. Beliau juga



Setinggi mana pun kedudukan pemimpin, akhirnya mereka tetap menerima hukuman jika disabitkan kesalahan oleh mahkamah.

dijatuhkan hukuman penjara selama 25 tahun pada April 2009 kerana membenarkan aktiviti pembunuhan dan penculikan oleh kumpulan bersenjata terhadap pesaing politik atau pengkritiknya. Fujimori turut dijatuhkan hukuman penjara selama enam tahun kerana membenarkan pegawai penguatkuasa undang-undang menjalankan pengeledahan tanpa waran dan penyitaan tanpa sebab munasabah. Maka demikian, beliau diarahkan untuk membayar A.S.\$8 juta kepada kerajaan Peru dan A.S.\$1 juta kepada 28 orang pemimpin politik dan wartawan yang pernah menjadi sasaran rejiminya.

Impak Korupsi

Bank Dunia menganggarkan bahawa kadar rasuah antarabangsa telah mencecah A.S.\$1.5 trilion pada setiap tahun atau dua peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global. Sejak dahulu lagi, isu rasuah telah meracuni setiap lapisan masyarakat yang bermula daripada penjawat awam atau swasta peringkat rendah yang menerima rasuah dengan jumlah yang kecil hinggalah kepada pemimpin negara yang mencuri wang berjuta-juta. Oleh sebab itulah, kini wujudnya istilah kleptokrasi dan kleptokrat. Kleptokrasi bermaksud perbuatan mencuri atau mendapatkan keuntungan dengan menggunakan kuasa dan kedudukan dalam kerajaan. Perbuatan tersebut termasuklah pecah amanah, rasuah dan salah guna kuasa untuk kepentingan sendiri oleh mana-mana pemimpin negara. Kleptokrat pula merujuk pemimpin yang menyalahgunakan kekuasaan politik untuk memenuhi kekayaan peribadi dan mengabaikan kebajikan rakyat.

Korupsi menghakis kepercayaan masyarakat terutamanya terhadap sektor awam, selain membantutkan usaha untuk membanteras kemiskinan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Amalan rasuah sememangnya meninggalkan kesan mendalam terhadap sosioekonomi negara. Hal ini dikatakan demikian kerana rasuah boleh menyebabkan peningkatan kadar inflasi. Inflasi yang tinggi akan meningkatkan pula kos sara hidup, sekali gus menggugat kesejahteraan hidup rakyat. Sektor pelaburan juga terjejas akibat rasuah. Persekitaran perniagaan menjadi tidak kondusif kerana wujudnya elemen ketidaktentuan dalam negara. Rasuah juga mengakibatkan pembaziran dana awam, peningkatan hutang negara, kejatuhan kuasa beli, dan memberikan kesan terhadap upah, selain mengancam keselamatan nasional. Bank Dunia menjangkakan pendapatan per kapita boleh meningkat empat kali ganda dalam jangka masa yang panjang jika negara membangun dapat menangani korupsi dan menegakkan kedaulatan undang-undang.



Fujimori antara pemimpin yang tersingkir dari puncak kuasa kerana terlibat dalam penyelewengan kuasa.

Pendapatan atau gaji yang rendah tidak lagi disifatkan sebagai faktor utama berlakunya korupsi dalam perkhidmatan awam. Sebaliknya, amalan gaya hidup di luar kemampuan, ketamakan, wujudnya ruang dan peluang untuk melakukan perbuatan rasuah atau salah guna kuasa, serta tahap integriti yang rendah merupakan faktor penting yang menyebabkan amalan korupsi dalam kalangan penjawat awam.

Korupsi di Malaysia

Usaha untuk membanteras rasuah perlu ditambah baik bagi memulihkan ekonomi negara dan kualiti hidup rakyat memandangkan pada tahun 2021, Malaysia berada pada kedudukan ke-62 daripada 180 buah negara berbanding dengan negara lain (rujuk jadual).

Oleh hal yang demikian, bagi meningkatkan skor IPR bagi membanteras amalan rasuah, semua agensi kerajaan mahupun swasta perlu giat melaksanakan strategi dan inisiatif seperti yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (PAN) 2019–2023. Antaranya, termasuklah memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik; memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam; mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam; mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman; menginstitusikan

kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang; serta memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat.

Pengiraan IPR merangkumi skop rasuah, persepsi terhadap penyalahgunaan dana kerajaan, kebolehan negara untuk menguatkuasakan mekanisme integriti, komitmen kerajaan dalam memerangi rasuah, perlindungan terhadap pendedah maklumat dan keberkesanan hak asasi manusia yang tersedia dalam sesebuah negara. Imej negara akan terus tercalar akibat korupsi khususnya yang melibatkan pemimpin, ahli politik dan penjawat awam sekiranya tidak dibendung.

Menurut statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bagi tempoh Januari hingga November 2022, sebanyak 888 individu yang membabitkan penjawat awam, swasta dan orang awam telah ditahan atas kesalahan rasuah (rujuk Jadual 3). SPRM telah menahan sebanyak 319 orang penjawat awam yang terdiri daripada kumpulan pengurusan tertinggi, pengurusan dan profesional serta sokongan untuk tempoh yang sama.

Pendapatan atau gaji yang rendah tidak disifatkan sebagai faktor paling utama berlakunya korupsi dalam perkhidmatan awam. Sebaliknya, amalan gaya hidup di luar kemampuan, ketamakan, wujudnya ruang dan peluang untuk melakukan perbuatan rasuah atau salah guna kuasa, serta tahap integriti yang rendah merupakan faktor yang menyebabkan amalan korupsi dalam kalangan penjawat awam. Hal ini terbukti apabila pegawai tinggi kerajaan antaranya yang bergred JUSA B dan JUSA C turut ditahan SPRM kerana terlibat dengan kartel monopoli tender.

Korupsi dalam kalangan penjawat awam yang berpangkat tinggi berlaku disebabkan wujudnya ruang dan peluang. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka lebih mengetahui dan memahami sistem pengurusan bagi satu-satu jabatan atau agensi kerajaan termasuklah urusan tender dan perolehan. Pengetahuan yang ada membolehkan mereka memanipulasi sistem dan memonopolinya untuk kepentingan diri. Perbuatan yang sama juga boleh dilakukan oleh penjawat awam berpangkat rendah jika mereka faham dan mampu memanipulasi sistem sedia ada. Pada Oktober 2022, SPRM dilaporkan telah menahan 11 individu termasuklah anggota polis dan penjawat awam atas dakwaan terlibat dengan sindiket mengurangkan saman trafik. Sindiket tersebut telah aktif sejak tahun 2016 dan melakukan transaksi lebih daripada RM5 juta.

Jadual 1 Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2021.

Tahun	Kedudukan Malaysia
2021	62
2020	57
2019	51
2018	61
2017	62
2016	55
2015	54
2014	50
2013	53
2012	54
2011	60
2010	56

Jadual 2 Kedudukan negara ASEAN dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2021.

Negara	Kedudukan	Skor
Malaysia	62	48
Singapura	4	85
Vietnam	87	39
Indonesia	96	38
Thailand	110	35
Filipina	117	33
Laos	128	30
Myanmar	140	28
Kemboja	157	23

Jadual 3 Statistik rasuah yang melibatkan penjawat awam dan orang awam di Malaysia.

Tahun	Kategori	
	Individu	Penjawat Awam
2021	851	411
2020	998	467
2019	1101	525
2018	894	418
2017	879	409
2016	939	466

(Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)

Selain itu, budaya pemberian dan penerimaan "duit kopi" yang seakan-akan sebatik dalam kalangan penjawat awam perlu dihapuskan. "Duit kopi" diberi agar tidak dikenakan saman, mempermudah urusan di kaunter, memohon kerja mahupun kelulusan kertas kerja. Bak kata pepatah, "sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit". Begitulah budaya "duit kopi" yang melibatkan nilai kecil, namun jika sentiasa menerima, hal ini akan memberikan impak yang besar terhadap diri pihak yang berkenaan kerana membuka ruang dan peluang untuk meminta rasuah yang lebih besar nilainya.

Mengimbas kembali, isu korupsi paling besar di negara ini yang mendapat perhatian masyarakat dari dalam dan luar negara membabitkan mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak dan isteri beliau, Datin Sri Rosmah Mansor. Pada 23 Ogos 2022, Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman penjara selama 12 tahun serta denda sebanyak RM210 juta terhadap Dato' Sri Najib kerana menyeleweng sebanyak RM42 juta dana milik SRC International Sdn. Bhd., beliau turut berdepan dengan empat kes penyelewengan wang sebanyak RM2.3 bilion dana milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB), menggunakan kedudukannya untuk meminda laporan audit 1MDB, pecah amanah melibatkan pembayaran RM6.6 bilion kepada International Petroleum Investment Company (IPIC) dan pengubahan wang haram membabitkan dana SRC International sebanyak RM27 juta.

Mahkamah Tinggi turut menjatuhkan hukuman penjara selama 10 tahun dan denda sebanyak RM970 juta terhadap Datin Sri Rosmah Mansor apabila didapati bersalah atas tiga pertuduhan rasuah yang melibatkan projek hibrid solar bernilai RM1.25 bilion untuk 369 buah sekolah luar bandar di Sarawak. Mahkamah turut memerintahkan beliau dipenjarakan selama 30 tahun jika gagal membayar denda. Walau bagaimanapun, mahkamah membenarkan hukuman denda ditangguhkan sehingga Datin Sri Rosmah menyuarakan rayuan. Datin Sri Rosmah Mansor turut berdepan dengan pertuduhan membabitkan kes pengubahan wang haram dan mengelak daripada membayar cukai.

Kerajaan Perpaduan pasca-PRU-15 (Pilihan Raya Umum ke-15) diharapkan dapat memantapkan lagi agenda untuk membanteras korupsi bukan sahaja dalam sektor awam, malahan segenap lapisan masyarakat selaras dengan ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam satu sidang media selepas mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri pada 24 November 2022 yang berjanji tidak akan bertolak ansur dengan amalan rasuah.

Pelbagai dasar kerajaan sebelum ini telah dilaksanakan bagi membentuk penjawat awam yang berintegriti, berdisiplin dan amanah antaranya termasuklah Dasar Pandang Ke Timur (DPT) dan Pelan Integriti Nasional (PIN). DPT diumumkan oleh Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 8 Februari 1982 dengan menjadikan sistem pengurusan Jepun dan Korea Selatan sebagai contoh. Melalui program perubahan sikap dalam DPT, kerajaan turut memperkenalkan perkhidmatan cemerlang, konsep Bersih, Cekap dan Amanah (BCA) pada April 1982 serta Kepimpinan melalui Teladan (KMT) pada 19 Mac 1983.

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023



JABATAN PERDANA MENTERI

Buku Pelan Antirasuah 2019-2023.

Selain itu, kerajaan juga pernah memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang melibatkan nilai, seperti amanah, tanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, berdisiplin, bekerjasama, berbudi mulia dan bersyukur. Pelaksanaan dasar tersebut seiring dengan BCA yang juga melibatkan beberapa nilai Islam. PIN yang dilancarkan pada 23 April 2004 oleh Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi adalah selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020, iaitu untuk "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur".

PIN kemudiannya digantikan dengan PAN yang dilancarkan oleh Perdana Menteri ketujuh, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 2019. Keberkesanan PAN secara keseluruhan hanya dapat diketahui selepas tamat tempoh pelaksanaannya yang hanya berbaki setahun sahaja lagi. Pada tahun pertama, PAN berjaya menyelesaikan sebanyak 29 inisiatif. Namun begitu, usaha untuk merealisasikan PAN menjadi semakin perlahan apabila hanya lapan inisiatif sahaja yang diselesaikan sepanjang tahun 2020 dan tahun 2021. Pada mulanya, terdapat 115 inisiatif yang digariskan dalam PAN. Walau bagaimanapun, menerusi Laporan Semakan Semula Separuh Penggal PAN, jumlah inisiatif menjadi sebanyak 111 selepas beberapa inisiatif digabungkan.

Ketika menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2023 di Masjid Putra, Putrajaya, Dato' Seri Anwar Ibrahim sekali lagi menegaskan bahawa amalan rasuah dan penyelewengan akan tetap diperangi, terutamanya dalam sektor kerajaan selain mahu mengembalikan wang negara yang dicuri. Malaysia mengalami kerugian besar akibat amalan rasuah dan ketirisan dalam pengurusan negara. Sejak tahun 1997 hingga tahun 2022, kerugian yang dialami oleh Malaysia dianggarkan bernilai RM3 trilion*. Jumlah itu dapat dimanfaatkan bagi membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat melalui penyediaan biasiswa atau dana untuk pendidikan tinggi, memulakan perniagaan selain aspek pembangunan yang dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Kerajaan Perpaduan kini menggagas tanggungjawab yang amat berat untuk mereformasikan perkhidmatan awam agar bebas daripada korupsi dan memulihkan imej negara pada peringkat antarabangsa.

Penulis berkelulusan Sarjana Analisis Strategi dan Keselamatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.